


FILEM JEPUN PAPAR CARA PANDANG BERBEZA

Oleh : Wan Nur Syakirah binti W Azharan, 1171253

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 6 Jun 2020



Filem secara umumnya merupakan platform paling popular di dunia pada masa ini dari segi gaya penyampaian cerita yang menarik dalam bentuk digital dan sering ditambah baik dari semasa ke semasa.

Proses menghasilkan sesebuah filem adalah sangat panjang dan mungkin mengambil masa selama berbulan-bulan atau bertahun-tahun kerana ia memerlukan pelbagai proses yang sangat teliti.

Kesemua proses itu bertujuan memberi hasil yang terbaik sama ada dari sudut mesej atau pembawaan watak agar berupaya memberi impak terhadap penonton.

Bagi pencinta filem Jepun, menonton filem sebegini membolehkan mereka mempelajari bahasa asing di samping memerhatikan perbezaan penggunaannya sama ada secara formal dan tidak formal.

Sebagai contoh, filem *Sayonara Bokutachi no Yuichen* (2011) memberi pendedahan baharu dari segi sebutan perkataan dalam bahasa Jepun serta struktur ayat yang digunakan. Setiap

bahasa mempunyai gaya dan dialek sebutan yang berbeza meskipun maksudnya sama. Perkara ini sering diaplikasikan dalam filem-filem asing.

Pemerhatian melalui filem-filem ini mendorong kita menghargai bahasa ibunda sendiri, menambah minat untuk mempelajari bahasa asing dan mempertingkatkan kemahiran bahasa sedia ada.

Filem Jepun juga banyak mempamerkan gaya hidup serta sistem masyarakat yang sangat berbeza dengan norma kehidupan di Malaysia.

Keindahan sesebuah negara seperti Jepun dapat dilihat melalui filem-filem mereka. Sebagai contoh, filem *Your Lie in April* (2016) memaparkan keindahan di Jepun yang sejuk mata memandang.

Melancong ke negara-negara asing sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Namun apabila menonton filem dari sesebuah negara, penonton diberi pendedahan mengenai keindahan flora dan fauna, bangunan, pusat peranginan dan perkampungan di negara berkenaan.

Walaupun tidak mampu berbelanja besar untuk melancong, filem-filem yang ditonton berupaya menjadi halwa mata yang membolehkan kita menikmati keindahan dunia ciptaan Yang Maha Esa.

Melalui filem Jepun, kita dapat melihat cara pandang produksi mereka. Kita dapat melihat dari sudut pandang yang berbeza berbanding perspektif sedia ada di Malaysia dari segi cara pembawaan filem, jalan cerita serta banyak lagi.

Di Malaysia, kita selalu disajikan dengan filem-filem romantis, aksi dan sebagainya. Genre yang dibawa oleh semua filem boleh dikatakan hampir sama.

Namun, perbezaan dapat dilihat pada cara pelakon atau pengarah membawa mesej dan emosi dalam filem. Ada pelbagai mesej dan nilai seperti persahabatan dan kekeluargaan yang boleh kita contohi dari filem-filem asing.

Misalnya, filem *Orange* (2015) memaparkan nilai persahabatan yang sangat tinggi sehingga mampu membuatkan kita mengalirkan air mata apabila menyaksikan pengorbanan yang ditunjukkan oleh watak-watak yang dilakonkan.

Nilai-nilai ini tampak biasa dipertontonkan di layar filem Malaysia. Namun, apabila menonton filem asing, kita akan membuka mata dengan lebih luas mengenai cara mereka menonjolkan nilai-nilai tersebut.